Sukan (MPU24012)	Sukan adalah aktiviti rekreasi yang terdiri daripada latihan kemahiran dan peraturan-peraturan tertentu yang dipelajari di dalam atau di luar bilik kuliah. Aktiviti-aktiviti ini membantu mengukuhkan pembentukan kemahiran insaniah pelajar secara holistik.	1) CLO 1: mempamerkan kemahiran khusus bagi sukan pilihan (P2, CLS 3A) 2) CLO 2: melaksanakan kemahiran sosial dan kesedaran sendiri dalam bidang kepegawaian dan kepengadilan sukan pilihan (A2, CLS 3B) 3) CLO 3: menunjukkan kepimpinan dan kerja berpasukan berdasarkan penguasaan kemahiran dan amalan positif (A3, CLS 3F)	Rujukan Utama: Gapor Ahmad et al., (2020). Kursus Sains Sukan Tahap 1. Bukit Jalil: Institut Sukan Negara. Hoe.W.E et al., (2018). Siri Sains Sukan: Pengurusan Strategik Sukan Edisi Kedua. Petaling Jaya: Penerbit Oxford Fajar Sdn. Bhd. Hoe.W.E et al., (2018). Siri Sains Sukan: Sains Kejurulatihan. Petaling Jaya: Penerbit Oxford Fajar Sdn. Bhd. Rujukan Tambahan: Gapor Ahmad et al., (2007). Kejurulatihan dan Sains Sukan. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd. Wahab, S. (2005). Surat Minit Mesyuarat Dokumen Perniagaan dan Laporan. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. Wahab, S. (2006). Mengurus Majlis & Acara Rasmi. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
Kelab (MPU24022)	Kelab adalah aktiviti rekreasi yang terdiri daripada latihan kemahiran dan peraturan-peraturan tertentu yang dipelajari di dalam atau di luar bilik kuliah. Aktiviti-aktiviti ini membantu mengukuhkan pembentukan kemahiran insaniah pelajar secara holistik	1) CLO 1: mempamerkan kemahiran khusus bagi kelab pilihan (P2, CLS 3A) 2) CLO 2: melaksanakan komunikasi sosial dan kesedaran sendiri dalam pengurusan kelab pilihan (A2, CLS 3B) 3) CLO 3: menunjukkan kepimpinan dan kerja berpasukan berdasarkan penguasaan kemahiran dan amalan positif (A3, CLS 3F)	Rujukan Utama: Amir Hamzah Aman., (2020). Pengurusan Persatuan Edisi Kedua. Sasbadi Sdn. Bhd. Othman Endut., (2017). Penubuhan dan Pengurusan Organisasi. Majlis Belia Negeri Terengganu Rujukan Tambahan: James A. J. E, Balasandran Ramiah (2012). Kepimpinan Instruksional, Satu Panduan Praktikal. Malaysia: PTS Professional Sdn. Bhd. Wahab, S. (2005). Surat Minit Mesyuarat Dokumen Perniagaan dan Laporan. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. Wahab, S. (2006). Mengurus Majlis & Acara Rasmi. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

9.1 UNIT PENGAJIAN AM (UPA)

9.1.4 Perincian Kursus

PENAWARAN KURSUS-KURSUS PERINGKAT DIPLOMA

Semester 3			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Rujukan
Khidmat Komuniti (MPU24032)	Khidmat Komuniti adalah aktiviti rekreasi yang terdiri daripada latihan kemahiran dan peraturan-peraturan tertentu yang dipelajari di dalam atau di luar bilik kuliah. Aktiviti-aktiviti ini membantu mengukuhkan pembentukan kemahiran insaniah pelajar secara holistik.	1) CLO 1: mempamerkan kemahiran khusus bagi khidmat komuniti pilihan (P2, CLS 3A) 2) CLO 2: melaksanakan komunikasi sosial dan kesedaran sendiri dalam pengurusan khidmat komuniti pilihan (A2, CLS 3B) 3) CLO 3: menunjukkan kepimpinan dan kerja berpasukan berdasarkan penguasaan kemahiran dan amalan positif (A3, CLS 3F)	Rujukan Utama: Azizan Bahari: (2008). Menjadi Pemimpin. Qarya Sdn.Bhd. Petaling Jaya Gaddafi, et al. (2019) Asas Kesukarelawan Kaedah Pengajaran Dan Penilaian. Universiti Malaysia Sarawak, (UNIMAS). Hj Ibrahim Ali. et al, (2013). Modul Teras Khidmat Komuniti. UNICC Jabatan Pengajian Tinggi, KPT Rujukan Tambahan: Azizan Bahari: (2006). Menjadi Sukarelawan. Qarya Sdn.Bhd. Petaling Jaya Wahab, S. (2005). Surat Minit Mesyuarat Dokumen Perniagaan dan Laporan. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd. Wahab, S. (2006). Mengurus Majlis & Acara Rasmi. PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.

9.1 UNIT PENGAJIAN AM (UPA)

9.1.4 Perincian Kursus

PENAWARAN KURSUS-KURSUS PERINGKAT DIPLOMA

Semester 4			
Kursus	Sinopsis	Hasil Pembelajaran	Kujukan
Entrepreneurship (MPU22032)	ENTREPRENEURSHIP focuses on the fundamentals and concept of entrepreneurship in order to inculcate the value and interest in students to choose entrepreneurship as a career. This course can help students to initiate creative and innovative entrepreneurial ideas. It also emphasizes a preparation of a business plan framework through business model canvas.	1) CLO1: propose the value proposition of entrepreneurial idea using Business model Canvas (A3, CLS 3B) 2) CLO2: develop a viable business plan by organizing business objectives according to priorities (A4, CLS 4B) 3) CLO3: organise the online presence business in social media marketing platform (A3, CLS 4B)	Main reference: Mazura Mansor, A. A. (2020). Entrepreneurship. Malaysia: Politeknik Ungku Omar. Sarimah Hanim Aman Shah, N. S. (2016). Entrepreneurship. (5th ed.) Malaysia: Oxford Fajar. Additional references: Adiebah Ahmad, S. M. (2014). Entrepreneurship: A Handbook. Malaysia: Pearson. Sodri Ariffi, S. H. (2017). Introduction to Entrepreneurship. Oxford Fajar.

9.2
**UNIT PEPERIKSAAN &
PENILAIAN**

9.2 UNIT PEPERIKSAAN & PENILAIAN

9.2.1 Pengenalan Unit Peperiksaan & Penilaian

Unit Peperiksaan Kolej Komuniti Sabak Bernam :

1. Bertanggungjawab melaksanakan segala urusan dan aktiviti berkaitan peperiksaan.
2. Diketuai oleh Pegawai Peperiksaan dan dibantu oleh Penyelaras Peperiksaan bagi setiap program.

9.2.2 Fungsi Unit Peperiksaan Dan Penilaian

- a. Menguruskan pendaftaran kursus dan pendaftaran kursus mengajar;
- b. Menyediakan lembaran markah untuk dikemukakan ke Jawatankuasa Peperiksaan Kolej;
- c. Menyediakan dan mengedarkan slip keputusan penilaian;
- d. Menguruskan pelaksanaan Integrated Student Attributes Performances (inSAn)
- e. Menyediakan laporan lulusan Sijil dan Diploma Kolej Komuniti;
- f. Menyediakan dan menyerahkan Transkrip Rasmi;
- g. Menyediakan Sijil dan Diploma Kolej Komuniti;
- h. Mengurus Majlis Konvokesyen;
- i. Mengurus Kes Salah Laku Penilaian;
- j. Mengurus Rayuan ke atas Keputusan Penilaian;
- k. Mengendalikan Capaian dan Pengesahan Data kepada Pihak Ketiga;
- l. Mengendalikan Kes Kehilangan dan Kerosakan Munasabah Transkrip dan Sijil.

9.2 UNIT PEPERIKSAAN & PENILAIAN

9.3.3 Fasiliti Unit Peperiksaan Dan Penilaian

Berikut adalah fasiliti yang terdapat di Unit Peperiksaan dan Penilaian:

BIL	MAKMAL/BENGKEL	KUANTITI
1.	Bilik Unit Peperiksaan dan Penilaian	1
2.	Bilik Kebal	1

9.3.4 Tempoh Pengajian

Tempoh pengajian bagi sesuatu program adalah seperti berikut:

- SKK(T) - Minimum 16 bulan (4 semester) - Maksimum 40 bulan (10 semester)
- SKK(M) - Minimum 16 bulan (4 semester) - Maksimum 40 bulan (10 semester)
- DIPLOMA - Minimum 24 bulan (6 semester)

9.3.5 Pendaftaran Kursus

- Pelajar perlu mendaftar setiap kursus yang diambil melalui Penasihat Akademik dalam tempoh satu (1) minggu selepas pendaftaran semester.
- Pelajar tidak dibenarkan mendaftar kursus yang mempunyai pra syarat, sekiranya pelajar tidak lulus pra syarat bagi kursus tersebut.
- Pendaftaran kursus perlu mendapat pengesahan TP(A) / KP.
- Pelajar bertanggungjawab untuk menyemak senarai kursus yang telah didaftarkan dengan teliti dan mengikuti sepenuhnya aktiviti PdP bagi kursus tersebut.
- Pindaan pendaftaran kursus hendaklah diselesaikan selewat-lewatnya pada minggu kedua (2) selepas pendaftaran dengan mendapat kebenaran TP(A) / KP.
- Borang Pendaftaran Kursus akan dikeluarkan selewat-lewatnya pada minggu ketiga semester kepada pelajar melalui Penasihat Akademik.

9.2 UNIT PEPERIKSAAN & PENILAIAN

9.3.6 Nilai Kredit

1. Setiap kursus mempunyai nilai kredit tertentu.
2. Setiap 40 jam belajar pelajar adalah bersamaan satu (1) kredit.
3. Setiap kursus direka bentuk antara satu (1) hingga lima (5) kredit.
4. Latihan Industri (LI) membawa lapan (8) hingga 12 kredit mengikut keperluan program. Satu (1) bulan LI bersamaan dua (2) kredit.

9.3.7 Beban Kredit Minimum dan Maksimum

1. Pelajar dikehendaki mengambil minima sembilan (9) kredit bagi setiap semester / modul kecuali bagi semester akhir / modul terakhir.
2. Pelajar yang mendapat HPNM kurang dari 2.00 hendaklah mengambil tidak lebih daripada 13 kredit termasuk kursus wajib pada semester /modul berikutnya.
3. Bilangan kredit maksimum yang boleh diambil ialah 19 kredit, dengan kebenaran Timbalan Pengarah Akademik (TP(A)) / Timbalan Pengarah (TP). Pelajar dinasihatkan berbincang dengan penasihat akademik terlebih dahulu.

9.3.8 Kredit Kursus Ulangan (UK)

1. Bagi pelajar yang mengulang kursus (UK), gred terbaik akan menggantikan gred terdahulu.
2. Bagi tujuan pengiraan HPNM, kredit kira dan nilai mata terbaik kursus yang diulang akan diambil kira.
3. Pelajar yang perlu mengulang kursus (UK) minima Sembilan (9) jam kredit, pelajar TIDAK DIBENARKAN mendaftar kursus bagi semester/modul yang berikutnya.

9.2 UNIT PEPERIKSAAN & PENILAIAN

9.3.9 Kredit Penebusan Gred (TG)

1. Bagi pelajar yang mendapat status 'Lulus' DIBENARKAN mengulang kursus bagi menebus gred (TG), gred terbaik akan menggantikan gred terdahulu.
2. Bagi tujuan pengiraan HPNM, kredit kira dan nilai mata terbaik kursus yang diperbaiki akan diambil kira.

9.3.10 Kredit Lulus Program dan Tempoh Pengajian

1. Pelajar mesti lulus semua kursus yang ditetapkan untuk program yang diambilnya termasuk LI.
2. Kredit minimum bagi program sijil adalah 60 kredit manakala bagi program diploma adalah 90 kredit. Kredit sebenar hendaklah dirujuk kepada struktur program yang berkenaan.
3. Tempoh pengajian lazim bagi sesuatu program adalah antara 4 hingga 6 semester / modul manakala tempoh maksimum pengajian adalah 10 semester atau 40 bulan. Kerangka tempoh pengajian maksimum ini ditetapkan bagi memastikan lulusan sentiasa relevan dengan keperluan semasa.

9.3.11 Pindahan Kredit

1. Pelajar boleh memohon untuk pindahan kredit bagi mana-mana kursus daripada Jawatankuasa CTCE (Credit Transfer Credit Exemption) – kelulusan melalui mesyuarat.
2. Mata kredit yang diperolehi bagi kursus yang dipindah kredit tidak diambil kira dalam pengiraan PNGK.
3. Jumlah Jam Kredit bagi kursus yang dipindahkan akan diambil kira bagi menentukan Jumlah Jam Kredit Terkumpul untuk tujuan penganugerahan Sijil / Diploma.
4. Kursus program kolej komuniti yang telah diselesaikan di sesebuah kolej komuniti boleh diterima atau dibawa ke kolej komuniti lain yang menawarkan kursus yang sama.

9.2 UNIT PEPERIKSAAN & PENILAIAN

9.3.12 Rekod Kehadiran

1. Kehadiran pelajar untuk setiap kursus perlu direkodkan dalam Rekod Kehadiran kursus. Pelajar wajib menghadiri setiap sesi PdP tidak kurang 80% daripada jumlah jam pertemuan bagi setiap kursus.
2. Bagi ketidakhadiran yang dirancang (contohnya, menghadiri aktiviti kolej komuniti), pelajar hendaklah mengisi Borang Permohonan Cuti Pelajar dengan mendapatkan perakuan daripada pihak yang berkenaan dan mengemukakan dokumen sokongan (surat arahan, atau mana-mana yang berkaitan).
3. Permohonan hendaklah diajukan kepada pensyarah kursus berkenaan untuk kelulusan selewat-lewatnya tiga (3) hari sebelum tarikh ketidakhadiran tersebut.
4. Bagi ketidakhadiran yang tidak dirancang (contohnya, kematian ahli keluarga terdekat), pelajar hendaklah mengisi Borang Permohonan Cuti Pelajar dengan mengemukakan dokumen sokongan (sijil kematian atau mana-mana yang berkaitan). Permohonan hendaklah diajukan kepada pensyarah kursus berkenaan selewat-lewatnya tiga (3) hari selepas tarikh ketidakhadiran tersebut untuk kelulusan.
5. Sekiranya pelajar mendapat sijil cuti sakit / surat kebenaran cuti, jumlah jam patut hadir tidak dikira dalam sesuatu kursus.
6. Pelajar yang tidak mencapai kehadiran 80% daripada jumlah jam pertemuan untuk setiap kursus tidak dibenarkan menduduki penilaian akhir (PA).

9.2 UNIT PEPERIKSAAN & PENILAIAN

9.3.12 Rekod Kehadiran

7. Pelajar akan diberikan :
 - a. Surat Amaran (SA) sekiranya tidak hadir tanpa sebab-sebab tertentu yang dapat diterima oleh kolej komuniti melebihi 10% daripada jam pertemuan bagi kursus tersebut.
 - b. Surat Tunjuk Sebab (STS) sekiranya tidak hadir tanpa sebab-sebab tertentu yang dapat diterima oleh kolej komuniti melebihi 20% daripada jam pertemuan bagi kursus tersebut.
 - c. Pelajar yang menerima STS dikehendaki memberi surat / jawapan tunjuk sebab dalam masa tiga (3) hari bekerja bagi mengelakkan tindakan diambil seperti tidak dibenarkan menduduki penilaian akhir (PA).
8. Salinan kedua-dua SA dan STS akan diserahkan kepada ibu / bapa / penjaga. Salinan juga akan diserahkan kepada Pegawai Pembangunan Pelajar (PPP).
9. Pensyarah kursus perlu menghantar senarai nama pelajar yang telah diputuskan tidak mencapai kehadiran 80% oleh TP(A) / KP kepada Unit Peperiksaan.

9.2 UNIT PEPERIKSAAN & PENILAIAN

9.3.13 Sistem Gred

1. Markah yang diperolehi oleh pelajar di dalam sesuatu kursus akan diberi gred dan nilai mata mengikut kumpulan seperti berikut:

Markah	Gred	Nilai Mata	Status
90 – 100	A+	4.00	Sangat Cemerlang
80 – 89	A	4.00	Cemerlang
75 – 79	A-	3.67	Kepujian
70 – 74	B+	3.33	
65 – 69	B	3.00	
60 – 64	B-	2.67	Baik
55 – 59	C+	2.33	
50 – 54	C	2.00	
47 – 49	C-	1.67	Lulus
44 – 46	D+	1.33	
40 – 43	D	1.00	
0 – 39	F	0.00	Gagal

2. Pelajar yang mendapat status Lulus perlu menebus kursus untuk mendapat HPNM bersamaan atau lebih 2.00 bagi tujuan penganugerahan sijil.
3. Pelajar yang tidak memenuhi keperluan penilaian dan peperiksaan dengan kebenaran atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan akan diberi gred TL (Tidak Lengkap).
4. Pelajar yang mendapat gred TL akan diberi gred baru setelah melengkapkan aktiviti penilaian dan peperiksaan yang diberikan dalam tempoh masa yang dibenarkan.
5. Pelajar dibenarkan menebus gred (TG) sekali sahaja bagi kursus yang mendapat status Lulus untuk memastikan HPNM bersamaan atau lebih dari 2.00.

9.2 UNIT PEPERIKSAAN & PENILAIAN

9.3.14 Sistem Nilai Mata

1. Sistem penilaian Kolej Komuniti Malaysia adalah berdasarkan kaedah penilaian kuantitatif prestasi pelajar di dalam sesuatu program yang dikenali sebagai Sistem Nilai Mata.
2. Mengikut Sistem Nilai Mata, prestasi pelajar bagi sesuatu kursus adalah berdasarkan kepada Sistem Gred yang mana pencapaian pelajar dinilai menggunakan dua (2) ukuran iaitu Purata Nilai Mata (PNM) atau Grade Point Average (GPA) dan Himpunan Purata Nilai Mata (HPNM) atau Cumulative Grade Point Average (CGPA).

$$\text{PNM (GPA)} = \frac{\text{Jumlah SEMUA mata kredit SESUATU semester}}{\text{Jumlah SEMUA jam kredit SESUATU semester}}$$

$$\text{HPNM (CGPA)} = \frac{\text{Jumlah SEMUA mata kredit SEMUA semester}}{\text{Jumlah SEMUA jam kredit SEMUA semester}}$$

9.2 UNIT PEPERIKSAAN & PENILAIAN

9.3.15 Penganugerahan Sijil / Diploma

1. Pelajar hanya layak dianugerahkan Sijil / Diploma setelah memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a. Telah lulus semua kursus yang ditetapkan bagi setiap program;
 - b. Lulus Latihan Industri / WBL;
 - c. $HPNM \geq 2.00$;
 - d. Tidak melebihi tempoh maksimum pengajian yang ditetapkan;
 - e. Syarat-syarat lain yang ditetapkan; dan
 - f. Diperakukan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti.
2. Pelajar akan memperolehi Anugerah Pengarah sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a. Pelajar mendaftar kursus sekurang-kurangnya 12 kredit pada semester / modul berkenaan; dan
 - b. Mendapat $PNM \geq 3.67$ bagi semester / modul berkenaan.

Nota : Catatan "Anugerah Pengarah" akan dimasukkan dalam slip.
3. Pelajar akan dianugerahkan Pingat Ketua Pengarah (PKP) pada semester / modul terakhir sekiranya memenuhi syarat-syarat berikut:
 - a. Memperolehi HPNM sekurang-kurangnya 3.83;
 - b. Cemerlang Latihan Industri;
 - c. Kriteria-kriteria yang ditetapkan oleh JK; dan
 - d. Diperakukan oleh Ketua Pengarah.

Nota : PKP akan dianugerahkan semasa majlis konvokesyen.

9.2 UNIT PEPERIKSAAN & PENILAIAN

9.3.16 Transkrip

1. Transkrip pelajar dikeluarkan dalam tempoh 14 hari selepas pengumuman keputusan oleh Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti.
2. Setiap transkrip yang dikeluarkan perlu dicop dengan Jawatankuasa Peperiksaan Pusat Kolej Komuniti.
3. Sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan atas sebab-sebab munasabah, pelajar boleh memohon salinan transkrip rasmi di Kolej Komuniti yang mengeluarkan dokumen berkenaan dengan mengemukakan borang permohonan beserta Surat Akuan Sumpah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah.
4. Penggantian transkrip akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari selepas permohonan lengkap.

9.3.17 Sijil Kolej Komuniti

1. Sijil Kolej Komuniti Kementerian Pengajian Tinggi hanya dikeluarkan sekali sahaja setelah pelajar menamatkan pengajian di Kolej Komuniti Kementerian Pendidikan Tinggi. Sijil ini akan diserahkan semasa Majlis Konvokesyen.
2. Sekiranya berlaku kehilangan atau kerosakan atas sebab-sebab munasabah, pelajar boleh memohon salinan sijil atau transkrip rasmi di Kolej Komuniti yang mengeluarkan dokumen berkenaan dengan mengemukakan borang permohonan beserta Surat Akuan Sumpah disahkan oleh Pesuruhjaya Sumpah.
3. Penggantian sijil akan dikeluarkan dalam tempoh 14 hari selepas permohonan lengkap.

9.3
**UNIT PERHUBUNGAN &
LATIHAN INDUSTRI
(UPLI)**

9.3 UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI

9.3.1 Pengenalan Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI)

Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) memainkan peranan penting dalam memberi peluang kepada pelajar Kolej Komuniti untuk pengalaman langsung dan mendedahkan pelajar kepada kompetensi tempat kerja yang berkaitan yang dituntut oleh industri. Latihan ini memberi pendedahan kepada pelajar mengenai literasi teknologi, komunikasi berkesan, mempraktikkan kemahiran sosial dan kerja berpasukan, polisi, prosedur dan peraturan, etika profesional dan pelaporan. Ini juga melengkapkan pelajar dengan pengalaman kerja yang sebenar, sehingga dapat membantu para pelajar untuk tampil sebagai pekerja baru. Pelajar dikehendaki menjalani latihan industri pada semester akhir dalam bidang pengajian mereka dengan organisasi yang mengambil bahagian.

Selain daripada Latihan Industri, unit ini penting sebagai penghubung kepada industri melalui kolaborasi bersama pihak berkepentingan dengan menandatangani Certificate of Collaboration (CoC). Unit ini juga memastikan kebolehpasaran pelajar sentiasa berada pada tahap terbaik dengan pelaksanaan Pengesanan Graduan. Unit UPLI berperanan menjadi penghubung dan menyelaraskan semua aktiviti Alumni KKSBB.

9.3 UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI

9.3.2 Fungsi UPLI

Fungsi Unit Perhubungan dan Latihan Industri (UPLI) adalah seperti berikut:-

- a. Merancang, mengurus, memantau dan melaporkan pelaksanaan Latihan Industri.
- b. Merancang, mengurus, memantau dan melaporkan pelaksanaan program kebolehpasaran.
- c. Merancang, mengurus dan menjayakan kolaborasi dengan pihak industri.
- d. Merancang, mengurus, memantau dan melaporkan pelaksanaan program Alumni.
- e. Merancang, mengurus, memantau dan melaporkan pelaksanaan program Pengesanan Graduan di Kolej Komuniti.
- f. Merancang, menyediakan, mengurus, memantau dan melaporkan perolehan dan perbelanjaan kewangan Unit Perhubungan dan Latihan Industri.

9.3.3 Tempoh Latihan Industri

Tempoh LI memerlukan pelajar ditempatkan di industri yang bersesuaian untuk tempoh 1 semester (16 minggu / 24 minggu). Tempoh yang ditetapkan ini bagi memenuhi kriteria yang telah ditetapkan oleh Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency – MQA).

9.3 UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI

9.3.4 Syarat Latihan Industri

Syarat layak menjalani LI adalah seperti berikut:

- Pelajar perlu lulus semua kursus / modul; dan
- Bagi program Sijil Asas Kolej Komuniti, pelajar perlu lulus tapisan di peringkat kolej komuniti berdasarkan kriteria yang ditetapkan mengikut program. Syarat lulus LI
- Menghadiri LI mengikut tempoh yang ditetapkan;
- Lulus penilaian LI daripada Penyelia Syarikat dan Pensyarah Penyelia berdasarkan kriteria penilaian yang telah ditetapkan;
- Melengkapkan dan menghantar Buku Laporan Harian LI; dan
- Sekiranya pelajar diberhentikan oleh majikan, pelajar tersebut akan dikira sebagai gagal dalam LI dan keputusan tidak boleh dipinda oleh Jawatankuasa Perhubungan dan LI Kolej Komuniti (JPLIKK).

9.3.5 Kredit

LI membawa lapan (8) hingga 12 kredit mengikut keperluan program. Satu (1) bulan LI bersamaan dua (2) kredit. Kursus LI diambil kira dalam pengiraan jumlah kredit bergraduasi tetapi tidak diambil kira dalam pengiraan HPNM.

9.3.6 Kriteria Penilaian Latihan Industri

Penilaian LI dibuat berdasarkan kriteria seperti dalam Rajah 9.3a.




Rajah 9.3a: Kriteria Penilaian LI

9.3 UNIT PERHUBUNGAN & LATIHAN INDUSTRI

9.3.7 Proses Latihan Industri

Proses LI pelajar adalah merujuk kepada Rajah 9.3b.



Rajah 9.3b: Carta Alir Proses LI

9.4
UNIT PEMBELAJARAN
SEPANJANG HAYAT
(PSH)

9.4 UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

9.4.1 Pengenalan Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) telah menjadi satu agenda global untuk menghadapi pelbagai cabaran pembangunan mampan. Selain itu, PSH merupakan saluran pembelajaran sepanjang hidup utama bagi seseorang individu, sehaluan dengan sistem pendidikan negara dari peringkat prasekolah, sekolah rendah, sekolah menengah, prauniversiti dan seterusnya pengajian tinggi.

PSH ditakrif sebagai proses pendemokrasian pendidikan melalui penguasaan ilmu pengetahuan, kemahiran dan ketrampilan menerusi kaedah formal, bukan formal dan tidak formal. Program PSH di Kolej Komuniti dilaksanakan dalam dua bentuk latihan iaitu Kursus Pendek dan Akaun Amanah Latihan Khas untuk semua peringkat umur. Pendaftaran kursus PSH adalah secara atas talian <https://mytvvet.edu.my/epsh/v8/borang/> atau boleh mengisi borang yang disediakan oleh Unit PSHL.

Latihan merupakan proses pemindahan ilmu pengetahuan secara kemas dan berdisiplin, bertujuan menambah pengetahuan dan kemahiran untuk memenuhi keperluan dan tuntutan semasa dalam organisasi khusus untuk staf kolej komuniti. Latihan adalah sebarang bentuk pembelajaran seperti kursus, latihan semasa bekerja dan program mentoring/coaching atau yang seumpama dengannya yang menyumbang kepada pembangunan individu dan kecemerlangan organisasi.

9.4 UNIT PEMBELAJARAN SEPANJANG HAYAT

9.4.2 Fungsi Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH)

Fungsi Unit Pembelajaran Sepanjang Hayat (PSH) adalah seperti berikut:-

- a. Menganjurkan dan menyediakan program pembelajaran sepanjang hayat dalam pembangunan komuniti berpengetahuan
- b. Menyediakan latihan untuk meningkatkan kemahiran (up-skilling) dan melatih semula (re-skilling) untuk keperluan tenaga kerja setempat
- c. Menyediakan rangkaian strategik (strategic networking) untuk pengukuhan aktiviti sosio-ekonomi di kalangan pelanggan setempat dan pemegang taruh (stakeholder)
- d. Menyediakan kemudahan dan perkhidmatan pilihan yang berpusatkan komuniti

9.5

**UNIT PENGURUSAN INOVASI
& PENGKOMERSIALAN (UPIK)**

9.5 UNIT PENGURUSAN INOVASI & PENGKOMERSIALAN

9.5.1 Pengenalan Unit Pengurusan Inovasi & Pengkomersialan (UPIK)

Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (UPIK) diwujudkan bertujuan untuk memperkasa budaya penyelidikan dan inovasi dalam kalangan staf dan pelajar Kolej Komuniti Sabak Bernam (KKSBS). UPIK KKSBS memainkan peranan penting sebagai pusat bagi penyelarasan semua aktiviti penyelidikan dan inovasi dalam kalangan warga KKSBS. UPIK KKSBS seperti mana Politeknik dan Kolej Komuniti yang lain berpotensi memberi sumbangan signifikan dalam sistem penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan dalam pelbagai bidang ilmu, kepakaran dan infrastruktur yang ada.

9.5.2 Fungsi Unit Pengurusan Inovasi & Pengkomersialan (UPIK)

Fungsi Unit Penyelidikan, Inovasi dan Komersialan (UPIK) adalah seperti berikut:

- a. Menyelaras aktiviti-aktiviti penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan di peringkat KKSBS.
- b. Menggalakkan, menyelaras dan memantau penyertaan pensyarah dan pelajar KKSBS di dalam seminar penyelidikan dan pertandingan inovasi di peringkat jabatan, politeknik/kolej komuniti, zon dan kebangsaan/antarabangsa.
- c. Menyelaras keperluan latihan/kursus warga KKSBS di dalam pembangunan kemahiran penyelidikan, inovasi dan pengkomersialan.



**10.0 UNIT BAGI PENGURUSAN
SOKONGAN AKADEMIK**

10.1
**UNIT PEMBANGUNAN
PELAJAR
(UPP)**

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

10.1.1 Pengenalan Unit Pembangunan Pelajar

Unit Pembangunan Pelajar bertanggungjawab menguruskan kemasukan dan pendaftaran pelajar, bantuan kewangan, biasiswa dan insuran, kebajikan dan disiplin pelajar serta Jawatankuasa Perwakilan Pelajar.

10.1.2 Fungsi Unit Pembangunan Pelajar

- a. Mengurus dasar dan pelaksanaan pengambilan pelajar bagi program sepenuh masa.
- b. Menguruskan dokumen-dokumen berkaitan pengambilan pelajar bagi program sepenuh masa.
- c. Menguruskan Pelaksanaan Minggu Suaikenal (MSK).
- d. Mengurus dan menyelia proses bantuan kewangan atau pinjaman pelajar.
- e. Mengurus skim caruman dan tuntutan insuran pelajar.
- f. Mengurus dan menyelia hal-hal berkaitan kebajikan dan disiplin pelajar.
- g. Membantu dalam isu yang berkaitan dengan tempat kediaman.
- h. Mengurus dan menyelia Jawatankuasa Perwakilan Pelajar.

10.1.3 Fasiliti Unit PA


Berikut adalah fasiliti yang terdapat di Unit Pembangunan Pelajar:

BIL	MAKMAL/BENGKEL	KUANTITI
1.	Bilik Pembangunan Pelajar	1
2.	Bilik Muzik	1
3.	Bilik Jawatankuasa Perwakilan Pelajar	1

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

10.1.4 Pengurusan Pendaftaran Pelajar

Proses pendaftaran pelajar adalah merujuk kepada Rajah 10.1a.




Rajah 10.1a : Carta Alir Proses Pendaftaran Pelajar

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

10.1.5 Proses Penangguhan Pengajian

Proses penangguhan pengajian adalah merujuk kepada Rajah 10.1b dan Rajah 10.1c.



Rajah 10.1b : Carta Alir Proses Penangguhan Pengajian

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

KOLEJ KOMUNITI				LAMPIRAN 11	
BORANG PENANGGUHAN PENGAJIAN					
MAKLUMAT PELAJAR					
Nama					
No.K/P		No. Telefon			
No.Pend.		Alamat surat menyurat			
Program					
Kod Prog					
MAKLUMAT PENANGGUHAN PENGAJIAN					
Penangguhan			Ambilan:		
Lapor Diri Semula			Ambilan:		
Sebab-sebab penangguhan pengajian. (Sila sertakan surat/dokumen sokongan, jika ada)					
Tarikh		Tandatangan Pelajar			
PENGESAHAN IBUBAPA/PENJAGA					
Tarikh		Nama		Tandatangan	
ULASAN PENSYARAH KELAS / PENASIHAT AKADEMIK					
Tarikh		Tandatangan & Cop			
ULASAN PEGAWAI / PENYELARAS PSIKOLOGI					
Tarikh		Tandatangan & Cop			
SOKONGAN KETUA PROGRAM					
Penangguhan pengajian DISOKONG / TIDAK DISOKONG					
Tarikh		Tandatangan & Cop			
KELULUSAN PENGARAH / TIMBALAN PENGARAH / TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK KOLEJ KOMUNITI					
Permohonan penangguhan pengajian DILULUSKAN/ TIDAK DILULUSKAN					
Tarikh		Tandatangan & Cop			
UNTUK TINDAKAN PEGAWAI PENGAMBILAN					
Maklumat telah dimasukkan ke dalam pangkalan data					
Tarikh		Tandatangan & Cop			

Pegawai yang bertanggungjawab

**PELAJAR
&
PENASIHAT
AKADEMIK**


**Unit
Pembangunan
Pelajar (UPP)**

Rajah 10.1c : Borang Penangguhan Pengajian dan pegawai bertanggungjawab

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

10.1.6 Proses Berhenti Pengajian

Proses berhenti pengajian adalah merujuk kepada Rajah 10.1d dan Rajah 10.1e.



Rajah 10.1d : Carta Alir Proses Berhenti Pengajian

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

LAMPIRAH J

KOLEJ KOMUNITI

BORANG BERHENTI PENGAJIAN	
MAKLUMAT PELAJAR	
Nama	
No.KIP	
No._PMdaftar:m	
Alamat Surat t.lon)YraC	
No.Titelan	
Program	
SEBAB,SEBAB MEMOHON BERHEIFTI PENGAJIAN	
☐ Dit<o:lihat"" ☐ Masalah Kowang"" ☐ Lain-lain INV.>takan.	
Tan1<D>	Tandatangan pomobO+
PENGESAHAN IBUBAPAIPENJAGA	
Tankh	NoilOlt>Uh,>pal ponJa!!" Tanda,angan
ULASAN PENSYARAH KELAS PENASIHAT AKADEMIK	
Tankh	Tand+1>ngan d Cop
ULASAN PEGAWAI / PENYELARAS PSIKOLOGI	
Tarikh	Tandatangan & Cop
SOKONGAN KETIJA PR.OGRAM	
Parmohoon borhorn, panga M DISOKONG TIDAK<.DISOKOHG	
Tarikh	Tancatangan & Cop
KELULUSAN PENGAR.AH ITIMBALAN PENGARAH / TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK KOLEJ KOMUNITI	
Penrior.otu,ran lyeTi<li: r-g Jian DILULUSKAN IIDAK<.DILULUSKAN	
Taal<h	T:alldat<.Ing.:t! & Cop
UNnJK TINDAKAN PEGAWAI PENGAMBILAN	
Maik.lutnal,t,wih dJmasukkan k6 Mlam pa !at, dJila	
Tarikh	Tandatangan & Cop

Pegawai yang
bertanggungjawab

PELAJAR
&
PENASIHAT
AKADEMIK


Unit
Pembangunan
Pelajar (UPP)

Rajah 10.1e : Borang Berhenti Pengajian dan pegawai bertanggungjawab

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

10.1.7 Proses Pertukaran Kolej

Proses pertukaran kolej adalah merujuk kepada Rajah 10.1f dan Rajah 10.1g.



Rajah 10.1f : Carta Alir Proses Pertukaran Kolej

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

KOLEJ KOMUNITI				LAMPIRAN G1	
BORANG PERMOHONAN PERTUKARAN KOLEJ KOMUNITI					
MAKLUMAT PELAJAR					
Nama					
No. K/P		Semester/ modul			
No. Pend.					
Kod Program		Alamat surat menyurat			
No. Telefon					
MAKLUMAT PERTUKARAN KOLEJ KOMUNITI					
Kolej Komuniti yang dipohon					
Kod Program yang dipohon					
Sebab-sebab memohon pertukaran. (sila sertakan surat/ dokumen sokongan, sekiranya ada)					
Tarikh		Tandatangan pemohon			
PENGESAHAN IBU BAPA/ PENJAGA					
Tarikh		Nama ibubapa / penjaga		Tandatangan	
ULASAN PENSYARAH KELAS / PENASIHAT AKADEMIK					
Tarikh		Tandatangan & Cop			
ULASAN PEGAWAI / PENYELARAS PSIKOLOGI					
Tarikh		Tandatangan & Cop			
SOKONGAN KETUA PROGRAM					
Penangguhan pengajian DISOKONG / TIDAK DISOKONG					
Tarikh		Tandatangan & Cop			
ULASAN PEGAWAI / PENYELARAS PENGAMBILAN					
Tarikh		Tandatangan & Cop			
KELULUSAN PENGARAH / TIMBALAN PENGARAH / TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK KOLEJ KOMUNITI					
Permohonan pertukaran Kolej Komuniti DILULUSKAN / TIDAK DILULUSKAN					
Tarikh		Tandatangan & Cop			

Pegawai yang
bertanggungjawab

**PELAJAR
&
PENASIHAT
AKADEMIK (PA)**


**UNIT
PEMBANGUNAN
PELAJAR (UPP)**

Rajah 10.1g : Borang Pertukaran Kolej dan pegawai bertanggungjawab

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

10.1.8 Proses Pertukaran Program

Proses pertukaran program adalah merujuk kepada Rajah 10.1h dan Rajah 10.1i.



Rajah 10.1h: Carta Alir Pertukaran Program

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

LAMPIRAN H			
KOLEJ KOMUNITI			
BORANG PERMOHONAN PERTUKARAN PROGRAM			
MAKLUMAT PELAJAR			
Nama			
Kelas		Semester/ modul	
No. K/P			
No. Pend.		Alamat surat menyurat	
No. Telefon			
MAKLUMAT PERTUKARAN PROGRAM			
Program yang dipohon			
Sebab-sebab memohon pertukaran program. (sila sertakan surat sokongan dan kebenaran penjaga, jika ada)			
Tarikh		Tandatangan pemohon	
PENGESAHAN IBU BAPA / PENJAGA			
Tarikh		Nama ibu bapa / penjaga	Tandatangan
ULASAN PENSYARAH KELAS / PENASIHAT AKADEMIK			
Tarikh		Tandatangan & Cop	
ULASAN PEGAWAI / PENYELARAS PSIKOLOGI			
Tarikh		Tandatangan & Cop	
SOKONGAN KETUA PROGRAM			
Penangguhan pengajian DISOKONG / TIDAK DISOKONG			
Tarikh		Tandatangan & Cop	
KELULUSAN PENGARAH / TIMBALAN PENGARAH / TIMBALAN PENGARAH AKADEMIK KOLEJ KOMUNITI			
Permohonan pertukaran PROGRAM DILULUSKAN/ TIDAK DILULUSKAN			
Tarikh		Tandatangan & Cop	
UNTUK TINDAKAN PEGAWAI PENGAMBILAN			
Data ini telah dimasukkan ke dalam pangkalan data			
Nombor Pendaftaran Baharu			
Tarikh		Tandatangan & Cop	

Pegawai yang bertanggungjawab

**PELAJAR
&
PENASIHAT
AKADEMIK (PA)**

**UNIT
PEMBANGUNAN
PELAJAR (UPP)**

Rajah 10.1i : Borang Pertukaran Program dan pegawai bertanggungjawab

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

10.1.9 Biasiswa / Bantuan Kewangan

Pelajar Kolej Komuniti boleh memohon pinjaman atau bantuan kewangan seperti berikut:

Peringkat Sijil

BIL	TAJAAN/ BANTUAN
1	Bantuan Kewangan Pelajar Kolej Komuniti (BKPKK)
2	Bantuan Kewangan Orang Kelainan Upaya (BKOKU)
3	Dermasiswa MyBF Yayasan Tenaga Nasional
4	Program Pendidikan Khas (PPK)
5	Bantuan Agensi-agensi Lain

Peringkat Diploma

BIL	TAJAAN/ BANTUAN
1	Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Negara (PTPTN)
2	Dermasiswa B40
3	Bantuan Agensi-agensi Lain

10.1.10 Insuran

Semua pelajar kolej komuniti dicarum pelan insuran berkelompok. Perlindungan insurans ini bertujuan untuk menyediakan manfaat dalam bentuk bantuan kewangan jika pelajar yang dilindungi meninggal dunia atau menderita keilatan kekal atau kecederaan anggota badan sama ada akibat kemalangan atau penyakit (rujuk kepada polisi insurans). Sebarang tuntutan mengenai insuran boleh menghubungi Unit Pembangunan Pelajar Kolej Komuniti Sabak Bernam.

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR


Manfaat Insuran



BIL	SKOP PERLINDUNGAN	AMAUN PERLINDUNGAN (RM)
1	Kematian Biasa (Akibat Penyakit)	10,000.00
2	Kematian Akibat Kemalangan	20,000.00
3	Keilangan Kekal Menyeluruh Biasa (Akibat Penyakit)	10,000.00
4	Keilangan Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan	40,000.00
5	Keilangan Separa Kekal Menyeluruh Akibat Kemalangan (Tertakluk Kepada Jadual manfaat)	40,000.00
6	Perbelanjaan Perubatan Akibat Kemalangan (Maksimum setahun)	3,000.00
7	Belanja Pengekebumian (penyakit/kemalangan)	2,000.00
8	Manfaat Wad Hospital Akibat Kemalangan – Maksimum 30 hari dalam setahun	RM50.00/hari
9	Pampasan "Rape Trauma"	RM1,000.00
10	"Dengue Recuperation"	RM500.00

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

Proses tuntutan insuran adalah merujuk kepada Rajah 10.1j .



Rajah 10.1j : Carta Alir Proses Tuntutan Insuran

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

10.1.11 Disiplin dan Tatatertib

Dasar Pengurusan Disiplin Kolej Komuniti adalah ditentukan oleh KPT. Seseorang pelajar adalah tertakluk kepada Akta 174 [Akta Institusi-Institusi Pelajaran (Tatatertib) 1976] dan pindaan-pindaannya dibaca bersama dengan Buku Panduan Dan Peraturan Am Pelajar Kolej Komuniti seperti di bawah.

BUKU NOTIS KESALAHAN TATATERTIB TERUS (pada muka surat sebelum helaian notis)

KOD	JENIS KESALAHAN
1	1. Perpustakaan [Kaedah 3 (f)] (a) Lewat / tidak memulangkan buku atau bahan dalam tempoh yang ditetapkan. (b) Merosakkan buku atau bahan. (c) Menghilangkan buku dan bahan yang dipinjam. (d) Bising / mengganggu ketenteraman di dalam perpustakaan. (e) Makan / minum / tidur / membuat sesuatu yang akan menjejaskan suasana ketika di dalam perpustakaan. (f) Membawa makanan / minuman ke dalam perpustakaan. (g) Menggunakan kad perpustakaan pelajar lain. (h) Melakukan perbuatan yang mencolok mata. (i) Mencuri atau membawa keluar bahan majalah, surat khabar, buku rujukan <i>red spot</i> dan bahan berjilid tanpa kebenaran Pegawai Perpustakaan. (j) Tidak mematuhi arahan etika berpakaian mengikut Panduan dan Peraturan Am Pelajar Kolej Komuniti. (k) Membawa masuk beg, fail besar, kamera, topi keledar, jaket, senjata tajam atau yang seumpamanya ke dalam perpustakaan. (l) Mengoyak / menggunting / menconteng bahan-bahan bacaan di perpustakaan. (m) Merosak dan memusnahkan mana-mana harta kepunyaan perpustakaan atau berkelakuan yang boleh membawa kerosakan kepada bahan tersebut. (n) Tidak menjaga kebersihan perpustakaan. (o) Mengubah susunatur perabot dan peralatan perpustakaan. (p) Menggunakan telefon mudah alih (<i>handphone</i>) atau sebarang bahan elektronik sehingga mengganggu ketenteraman orang lain.
2Ai	2. PAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI [Kaedah 6] A. Pelajar Lelaki i. Pakaian (a) Memakai baju kemeja yang tidak berlenang. (b) Memakai baju 'T' tidak berkolar kecuali untuk aktiviti sukan. (c) Memakai baju 'T' yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau mempunyai lambang mana-mana parti politik. (d) Memakai baju kemeja atau 'T' yang tidak dimasukkan ke dalam seluar (<i>tuck in</i>). (e) Memakai baju kebangsaan (baju melayu) yang tidak lengkap bersampin, berkasut, bersongkok hitam. (f) Memakai pakaian yang bertampal, koyak atau bertampung dalam apa jua bentuk sekalipun. (g) Memakai pakaian yang tidak dibutang atau dizipkan dengan sempurna. (h) Memakai tali pinggang atau fesyen kepala tali pinggang yang tidak sesuai. (i) Memakai seluar jenis 'jeans biru' atau lusuh. (j) Memakai seluar ketat. (k) Memakai seluar '<i>half cut</i>'. (l) Memakai kasut tanpa stokin. (m) Memakai selipar, terompah, sandal, capal atau berkaki ayam. (n) Tidak memakai pakaian bengkel ketika berada di bengkel.
2Aii	ii. Rambut (a) Rambut panjang melebihi paras kolar baju, paras tepi melebihi paras atas telinga, paras depan melebihi garisan tengah dahi. (b) Rambut tidak kemas. (c) Rambut berfesyen seperti afro, punk, berekor atau diwarnakan.
2Aiii	iii. Perhiasan (a) Memakai sebarang bentuk perhiasan seperti rantai, gelang tangan dan subang atau apa-apa perhiasan diri yang membawa maksud negatif. (b)
2Bi	B. Pelajar Perempuan i. Pakaian (a) Memakai pakaian yang mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, singkat, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan. (b) Memakai baju yang labuhnya di atas paras punggung. (c) Memakai skirt yang lebih pendek dari paras lutut. (d) Memakai baju 'T' yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucah atau mempunyai lambang mana-mana parti politik. (e) Memakai baju 'T' tidak berkolar kecuali untuk aktiviti sukan.

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

2Ai 2Aii 2Aiii 2Bi 2Bii 2Biii	2. PAKAIAN DAN PENAMPILAN DIRI [Kaedah 6] A. Pelajar Lelaki i. Pakaian (a) Memakai baju kemeja yang tidak berlenang. (b) Memakai baju 'T' tidak berkolar kecuali untuk aktiviti sukan. (c) Memakai baju 'T' yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucu atau mempunyai lambang mana-mana parti politik. (d) Memakai baju kemeja atau 'T' yang tidak dimasukkan ke dalam seluar (<i>tuck in</i>). (e) Memakai baju kebangsaan (baju melayu) yang tidak lengkap bersampin, berkasut, bersongkok hitam. (f) Memakai pakaian yang bertampal, koyak atau bertampung dalam apa jua bentuk sekalipun. (g) Memakai pakaian yang tidak dibutang atau dizipkan dengan sempurna. (h) Memakai tali pinggang atau fesyen kepala tali pinggang yang tidak sesuai. (i) Memakai seluar jenis 'jeans biru' atau lusuh. (j) Memakai seluar ketat. (k) Memakai seluar '<i>half cut</i>'. (l) Memakai kasut tanpa stokin. (m) Memakai selipar, terompah, sandal, capal atau berkaki ayam. (n) Tidak memakai pakaian bengkel ketika berada di bengkel. ii. Rambut (a) Rambut panjang melebihi paras kolar baju, paras tepi melebihi paras atas telinga, paras depan melebihi garisan tengah dahi. (b) Rambut tidak kemas. (c) Rambut berfesyen seperti afro, punk, berekor atau diwarnakan. iii. Perhiasan (a) Memakai sebarang bentuk perhiasan seperti rantai, gelang tangan dan subang atau apa-apa perhiasan diri yang membawa maksud negatif. B. Pelajar Perempuan i. Pakaian (a) Memakai pakaian yang mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, singkat, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan. (b) Memakai baju yang labuhnya di atas paras punggung. (c) Memakai skirt yang lebih pendek dari paras lutut. (d) Memakai baju 'T' yang mempunyai tulisan atau gambar yang membawa pengertian liar, negatif, lucu atau mempunyai lambang mana-mana parti politik. (e) Memakai baju 'T' tidak berkolar kecuali untuk aktiviti sukan. (f) Memakai pakaian yang bertampal, koyak atau bertampung dalam apa jua bentuk sekalipun. (g) Memakai pakaian yang tidak dibutang atau dizipkan dengan sempurna. (h) Berseluar ketat, singkat atau menampakkan susuk badan. (i) Memakai seluar jenis 'jeans', banyak poket, 'corduroy'. (j) Memakai seluar '<i>half cut</i>'. (k) Memakai selipar, terompah, sandal, capal atau berkaki ayam. (l) Tidak memakai pakaian bengkel semasa berada di bengkel. ii. Rambut (a) Rambut tidak kemas. (b) Rambut berfesyen seperti afro, punk, berekor atau diwarnakan iii. Perhiasan (a) Memakai perhiasan seperti rantai, gelang tangan, cincin dan subang secara berlebihan. (b) Memakai perhiasan diri bukan pada tempat sepatutnya. (c) Bersolek secara berlebihan.
3	3. KEBERSIHAN DI DALAM KAMPUS [Kaedah 21] (a) Membuang sampah merata-rata di sekitar kampus. (b) Menampal sebarang notis dan iklan tanpa kebenaran pihak berkuasa kampus. (c) Mengotorkan / meludah merata-rata di sekitar kampus. (d) Memetik / Mematah / Merosakkan pokok hiasan / pokok bunga tanpa kebenaran pihak berkuasa kampus.
4	4. MEMBUAT BISING [Kaedah 22] (a) Meninggikan suara atau mengeluarkan bunyi bising sehingga menyebabkan kegusaran atau gangguan kepada pihak lain di dalam kampus. (b) Menggunakan peralatan elektronik/elektrik sehingga menyebabkan bunyi bising dan menimbulkan kegusaran atau gangguan kepada pihak lain di dalam kampus.

10.1 UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR

ETIKA PEMAKAIAAN & SAHSIAH RUPA DIRI PELAJAR

1. Pelajar **DIWAJIBKAN** memakai Kad Pelajar sepanjang berada di kawasan kolej.
2. Pelajar **DIWAJIBKAN** berpakaian menutup aurat, sopan dan tidak mencolok mata.
3. Pelajar **TIDAK** dibenarkan memakai pakaian atau perhiasan yang melambangkan imej yang berbentuk ganas, ajaran sesat dan sebagainya.
4. Rambut hendaklah sentiasa kemas dan **DILARANG** mewarnakan rambut.

ETIKA PEMAKAIAAN PELAJAR LELAKI



- Memakai baju kemeja atau t-shirt dan sentiasa 'tuck in'.
- Memakai pakaian bengkel ketika berada di bengkel.

LARANGAN

- Rambut panjang melebihi paras kolar baju, paras tepi melebihi paras atas telinga, paras depan melebihi garisan tengah dahi.
- Memakai tali pinggang atau fesyen kepala tali pinggang yang tidak sesuai.
- Memakai seluar ketat / half cut / jenis jeans biru atau lusuh.
- Memakai selipar, terompah, sandal atau capal.
- Memakai **SEBARANG** bentuk perhiasan seperti rantai, gelang tangan / subang.

ETIKA PEMAKAIAAN PELAJAR PEREMPUAN



- Memakai pakaian yang tidak mencolok mata seperti pakaian yang ketat, jarang, singkat, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian badan.
- Memakai pakaian bengkel ketika berada di bengkel.

LARANGAN

- Memakai baju yang labuhnya di atas paras punggung.
- Memakai skirt yang lebih pendek dari paras lutut.
- Memakai selipar, terompah, sandal atau capal.
- Memakai perhiasan seperti rantai, gelang tangan, cincin atau subang secara berlebihan.

TINDAKAN TERHADAP PELAJAR YANG MELANGGAR PERATURAN YANG DITETAPKAN

- Mana-mana pelajar yang tidak mematuhi peraturan ini boleh dihalang daripada menyertai program pelajar sama ada di dalam atau di luar kolej (taklimat/ceramah/sukan/ lawatan dan lain-lain).
- Pelajar juga boleh dikenakan denda maksimum RM50.00 dengan memberi notis saman untuk kesalahan tersebut.

SEMUA STAF KOLEJ KOMUNITI SABAK BERNAM ADALAH BERTANGGUNGJAWAB TERHADAP DISPLIN PELAJAR DAN BOLEH MEMBUAT TEGURAN SECARA TERUS KEPADA MANA-MANA PELAJAR

-UNIT PEMBANGUNAN PELAJAR (UPP)-



10.0 UNIT BAGI PENGURUSAN
SOKONGAN AKADEMIK

10.2 **UNIT PSIKOLOGI**

10.2.1 Pengenalan Unit Psikologi

Unit Psikologi adalah merupakan unit sokongan akademik yang menawarkan perkhidmatan perkembangan diri kepada staf dan pelajar melalui pendekatan psikologi dan kaunseling. Unit ini dikendalikan oleh pegawai psikologi yang berdaftar di bawah Lembaga Kaunselor Malaysia.

10.2.2 Fungsi Unit Psikologi

- a. Menyediakan perkhidmatan bimbingan dan kaunseling secara individu dan kelompok kepada staf dan pelajar yang memerlukan bagi memastikan kesejahteraan psikologi berada pada tahap yang baik.
- b. Menganjurkan aktiviti dan program pembangunan modal insan meliputi aspek perkembangan, penilaian, intervensi dan pencegahan bagi melonjakkan potensi individu.

10.2.3 Fasiliti Unit Psikologi

Berikut adalah fasiliti yang terdapat di Unit Psikologi:

BIL	MAKMAL/BENGKEL	KUANTITI
1.	Bilik Kaunseling Individu	1
2.	Bilik Kaunseling Kelompok	1

10.2.4 Waktu Perkhidmatan Unit Psikologi

HARI	WAKTU
Isnin - Khamis	8.00 pagi – 5.00 petang
Jumaat	8.00 pagi – 12.15 tengah hari 2.45 petang – 5.00 petang
Sabtu, Ahad & Cuti Umum	Tutup

10.2.5 Perkhidmatan Unit Psikologi

- Perkhidmatan Kaunseling Individu / Kelompok
- Perkhidmatan Bimbingan Individu / Kelompok
- Perkhidmatan Bimbingan Kerjaya
- Perkhidmatan Penilaian Psikologi
- Perkhidmatan Konsultasi



10.0 UNIT BAGI PENGURUSAN
SOKONGAN AKADEMIK

10.3

UNIT BELIA & SUKAN

10.3.1 Pengenalan Unit Belia dan Sukan

Unit Belia dan Sukan adalah memfokuskan kepada penyediaan pengetahuan dan kemahiran suatu bidang sukan yang boleh dijalankan di dalam atau di luar bilik kuliah bagi perkembangan minda, minat, bakat, jasmani, rohani dan pembentukan nilai-nilai murni dalam diri setiap pelajar.

Unit Belia dan Sukan menyediakan kemudahan kelengkapan gimnasium serta pelbagai peralatan sukan yang boleh digunakan oleh setiap pelajar KKSBB. Unit ini juga menawarkan khidmat nasihat kepada pelajar bagi pelbagai aktiviti sukan.

10.3.2 Fungsi Unit Belia dan Sukan

Fungsi Unit Belia dan Sukan adalah untuk mengurus dan menyelaraskan semua aktiviti kurikulum pelajar di Kolej Komuniti Sabak Bernam. Unit Belia dan Sukan juga merupakan unit yang menyokong pembelajaran dan pendidikan bagi program:

- a. Diploma Teknologi Senibina (DAT)
- b. Sijil Teknologi Elektrik (SKE)
- c. Sijil Teknologi Pemprosesan Makanan (SPK)
- d. Sijil Fesyen dan Pakaian (SFP)

10.3.3 Fasiliti Unit Belia dan Sukan

Berikut adalah fasiliti yang terdapat di Unit Belia dan Sukan:

BIL	KEMUDAHAN
1	Kelengkapan Gimnasium
2	Loker Simpan Barang
3	Peralatan Sukan
4	Papan Dart
5	Meja Ping Pong
6	Set Audio Visual
7	Treadmill

10.3 UNIT BELIA & SUKAN

10.3.4 Waktu Perkhidmatan Unit Belia dan Sukan

HARI	WAKTU
Isnin - Khamis	9.00 pagi – 6.00 petang
Jumaat	9.00 pagi – 12.15 tengah hari 2.45 petang – 6.00 petang
Sabtu, Ahad & Cuti Umum	Tutup

10.3.5 Perkhidmatan Unit Belia dan Sukan

- Perkhidmatan kemudahan kelengkapan gimnasium mengikut jadual yang ditetapkan atau secara tempahan.
- Perkhidmatan pinjaman peralatan sukan untuk aktiviti riadah pelajar
- Perkhidmatan khidmat nasihat berkaitan aktiviti sukan.
- Perkhidmatan pertanyaan & rujukan



10.0 UNIT BAGI PENGURUSAN
SOKONGAN AKADEMIK

10.4 **UNIT PERPUSTAKAAN**

10.1 UNIT PERPUSTAKAAN

10.4.1 Pengenalan Unit Perpustakaan

Perpustakaan adalah gedung ilmu pengetahuan, pusat pengumpulan dan penyebaran maklumat. Perpustakaan ini dibuka kepada penggunaanya secara rasmi pada Isnin 08 Ogos 2005. Perpustakaan kini memiliki lebih dari 9000 koleksi bahan bacaan.

Unit Perpustakaan menyediakan bahan-bahan perpustakaan yang dikumpulkan di dalam pelbagai bentuk dan jenis. Bahan bertulis ialah seperti buku, majalah, laporan tahunan, buletin dan surat khabar. Bahan tidak bertulis termasuklah CD-R, VCD, DVD dan pita video.

10.4.2 Fungsi Unit Perpustakaan

Fungsi Unit Perpustakaan adalah untuk memberi rujukan pembelajaran dan pendidikan serta penyelidikan. Unit Perpustakaan merupakan keperluan utama dalam menyokong pembelajaran dan pendidikan bagi program:

- a. Diploma Teknologi Senibina (DAT)
- b. Sijil Teknologi Elektrik (SKE)
- c. Sijil Pemprosesan & Kawalan Mutu Makanan (SPK)
- d. Sijil Fesyen dan Pakaian (SFP)

10.4.3 Fasiliti Unit Perpustakaan

Berikut adalah fasiliti yang terdapat di Unit Perpustakaan:

BIL	KEMUDAHAN
1	Loker
2	Sudut Bacaan
3	Sudut Santai & Istirehat
4	Sudut Permainan Dalaman
5	Komputer
6	Wi-Fi
7	Sistem OPAC

10.4 UNIT PERPUSTAKAAN

10.4.4 Waktu Perkhidmatan Unit Perpustakaan

HARI	WAKTU
Isnin - Khamis	8.00 pagi – 5.00 petang
Jumaat	8.00 pagi – 12.15 tengah hari 2.45 petang – 5.00 petang
Sabtu, Ahad & Cuti Umum	Tutup

10.4.5 Perkhidmatan Unit Perpustakaan

- Perkhidmatan Sirkulasi (Pinjaman, Pemulangan, Pembaharuan & Tempahan Bahan Perpustakaan)
- Perkhidmatan Terbitan Bersiri (Majalah, Surat Khabar, Laporan Tahunan, Buletin)
- Perkhidmatan Koleksi Khas (Kamus, Peta, Ensiklopedia)
- Perkhidmatan Bilik Perbincangan
- Perkhidmatan Penggunaan Komputer
- Perkhidmatan Pertanyaan & Rujukan



10.0 UNIT BAGI PENGURUSAN
SOKONGAN AKADEMIK

10.5 **UNIT KEUSAHAWANAN**

10.1 UNIT KEUSAHAWANAN

10.5.1 Pengenalan Unit Keusahawanan

Unit Keusahawanan adalah bertujuan untuk memupuk budaya keusahawanan di kalangan pelajar Kolej Komuniti. Aktiviti yang dijalankan adalah bagi memberi pendedahan kepada pelajar untuk menjadikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan setelah tamat pengajian dan pengalaman kepada pelajar melalui aktiviti perniagaan yang dijalankan.

Komponen pengukuhan keusahawanan Kolej Komuniti menekankan kepada program pendedahan, penerapan, peningkatan dan pengukuhan.

Gabungan tiga elemen penting iaitu pelajar, kolej komuniti dan pihak industri/swasta dalam segala perancangan pelan strategik ini berjaya memupuk budaya keusahawanan kepada pelajar dan masyarakat setempat, dengan harapan dapat melahirkan modal insan dengan nilai-nilai keusahawanan.

10.5.2 Fungsi Unit Keusahawanan

Fungsi Unit Keusahawanan ini adalah seperti berikut :-

- Bertujuan menyelaraskan aktiviti keusahawanan di peringkat Politeknik & Kolej Komuniti dan di peringkat Kolej Komuniti Sabak Bernam.
- Merancang, melaksana dan memantau segala aktiviti keusahawanan di peringkat Kolej Komuniti Sabak Bernam.
- Menjadi pusat rujukan dan perundingan perniagaan pelajar dan alumni.

10.5.3 Fasiliti Unit Keusahawanan

Berikut adalah fasiliti yang terdapat di Unit Keusahawanan:

BIL	MAKMAL/BENGKEL	KUANTITI
1	Bilik eTech	1
2	Cafe	1

11.0
LAGU POLYCC
&
LAGU KOLEJ KOMUNITI

LIRIK LAGU POLYCC

Mulakan langkahmu dengan fikiran terbuka,
Setiap insan punyai kelebihan sendiri,
Asah kemahiran di peringkat lebih tinggi,
Usaha dan harapan akan tercapai.

Ayuh semua,
Berdiri bangkit,
Semua mimpi jadi realiti,

Ayuh semua,
Jangan ragu,
Destinasi POLYCC.

Satu tujuan,
Satu harapan,
Membangun generasi berprestasi tinggi.

POLYCC berinovasi,
POLYCC pilihan pasti. } *Ulang*
Seluruh Malaysia destinasi POLYCC

Satu tujuan,
Satu harapan,
Membangun generasi berprestasi tinggi.

POLYCC berinovasi,
POLYCC pilihan pasti. } *Ulang*
Seluruh Malaysia destinasi POLYCC

LIRIK LAGU KOLEJ KOMUNITI

Seia dan sekata
Teguh ilmu di dada
Bersama mengorak langkah
Membina generasi berjaya

Kitalah penerus alaf wawasan
Meningkatkan bakat Insan
Kolej Komuniti
Di sini medan menggapai bintang
Terus berbakti dan cemerlang

Bersama menabur jasa
Jiwa Satu Malaysia
Megahmu di mercu jaya
Berbudi menjadi nyata



KOLEJ KOMUNITI SABAK BERNAM
Jalan Raja Chulan 45200 Sabak Bernam Selangor Darul Ehsan

No. Tel :03-32163235

No. Faks:03-32163236

Web :<https://kksabakbernam.mypolycc.edu.my/>

Fb :Kolej Komuniti Sabak Bernam

Tiktok :Kolej Komuniti Sabak Bernam